

# UniMAP - PERDA TECH Jalin Kerjasama

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) hari ini meluaskan jaringan kerjasama apabila menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) pada 10 Mei 2014 lalu. Pada majlis tersebut UniMAP diwakili Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala PERDA-TECH diwakili Pengurus Besar PERDA, En. Saringat Hassan. MoU ini ditandatangani sempena Hari Terbuka PERDA – TECH yang diadakan bagi mendekatkan masyarakat bersama warga PERDA TECH dan dirasmikan oleh Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman Haji Abbas.

Kerjasama ini yang akan dilaksanakan melalui PPK Pembuatan akan memberi fokus kepada aspek jalinan persefahaman berhubung dengan program-program pembangunan, penambahan dan peningkatan tahap keusahawanan di negeri masing-masing. Selain tu, kerjasama juga melibatkan perlaksanaan latihan dan pembangunan sumber manusia seperti penganjuran seminar atau persidangan, dan program latihan praktikal pelajar.

